

Elaun wilayah tentera perlu dikaji

UM-21/9/2006

KUCHING 20 Sept. - Panglima Satu Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Muhammad Effendi Mustapa berkata, elaun wilayah bagi anggota tentera yang berkhidmat di Malaysia Timur perlu dikaji semula supaya berseesuaian dengan keadaan semasa.

Menurutnya, elaun itu tidak pernah disemak semula menyebabkan jumlah yang diterima sekarang adalah rendah berbanding bagi anggota polis atau kakitangan kerajaan yang lain.

"Kami bukan minta kenaikan gaji pokok tetapi memadai dengan penyelarasan elaun Malaysia Timur yang tidak pernah semak sejak sekian lama.

"Tetapi saya percaya Panglima Angkatan Tentera sedang berusaha untuk memperbaiki situasi ini," katanya ketika ditemui pada majlis meraikan 17 anggota dan bekas tentera yang mengalami kecederaan ketika bertugas di sini, hari ini.

Beliau memberitahu, elaun wilayah yang dinikmati anggota tentera sekarang adalah berdasarkan pangkat iaitu prebet sebanyak RM4 sehari manakala Panglima Satu Divisyen menerima RM10 sehari.

Sambil merujuk kepada elaun wilayah bagi anggota polis yang disifatkan sebagai tinggi, Muhammad Effendi berkata, beliau hanya menerima elaun wilayah sekitar RM300 sebulan bagi bidang tugas yang merangkumi Sabah dan Sarawak.

"Kadang-kadang anak-anak buah saya bertanya perkara ini (elaun yang amat berbeza dengan jabatan kerajaan lain)," ujarnya.

Minggu lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya menaikkan gaji polis berpangkat konstabel sehingga asisten komisioner (ACP).

Menurut Musa, gaji anggota polis ketika ini rendah dan tidak setimpal dengan beban tugas yang dipikul mereka.

Muhammad Effendi berharap kerajaan akan menimbangkan kenaikan elaun wilayah tersebut memandangkan tugas anggota tentera khususnya di kawasan sempadan negara tidak boleh diperlekehkan.